

# Pemikiran Wasatiyyah Mohd Kamal Hassan: Sebuah Ulasan Kritis

*Mohd Kamal Hassan's Wasatiyyah Thought: A Critical Review*

<sup>1\*</sup>Ghazali Awang & <sup>2</sup>Mujaini Tarimin

<sup>1</sup>University Selangor, Malaysia ghazali\_awang@yahoo.com

<sup>2</sup>University Selangor, Malaysia muzaini@unisel.edu.my

**Published:** 27 June 2023

**To cite this article (APA):** Awang, G., & Tarimin, M. (2023). Mohd Kamal Hassan's Wasatiyyah Thought: A Critical Review. *Firdaus Journal*, 3(1), 28–38. <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.4.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/firdaus.vol3.1.4.2023>

## ABSTRAK

Setelah berlaku beberapa peristiwa keganasan, umat Islam telah dituduh sebagai terrorist, ganas dan ekstremis. Fenomena ini berlawanan dengan visi Islam di mana umat Islam adalah umat terbaik dan agama Islam adalah agama sempurna. Keadaan ini juga menyusahkan ramai umat Islam dan perlu diperbetulkan. Beberapa orang ilmuwan Islam termasuk Mohd Kamal Hassan (selepas ini disebut Kamal Hassan) telah melaungkan konsep wasatiyyah bagi menerangkan yang Islam tidak begitu. Penyelidikan ini bercorak kualitatif dan menggunakan kaedah deskriptif, analisis dan sintesis. Konsep wasatiyyah adalah satu ajaran Islam yang sangat kukuh. Konsep in berasal daripada al-Qur'an dan pemahaman mengenainya disokong oleh Hadith Nabi SAW, pentafsir al-Qur'an seperti Sheikh Abdullah Basmeih, Ibnu Kathir, Muhammad Asad, Sayyed Qutb, Wahbah Az-Zuhaili dan Yusuf al-Qardhawi. Konsep ini disokong dan diperkukuhkan lagi dengan konsep-konsep dan ciri-ciri Islam termasuk konsep ketuhanan, kemanusiaan, konsep syumul, konsep *rahmatan lil alamin* dan konsep *maqasid syariah*. Asas pemikiran wasatiyyah adalah al-Qur'an, Hadith Rasullullah SAW, pendapat ilmuwan-ilmuwan Islam dan akal fikiran yang sihat. Sesungguhnya Islam itu sangat jelas bersifat wasatiyyah. Kumpulan Islam yang mengganas dan bergelagat melampau harus dibantu supaya keadaan dapat diperbaiki dan umat Islam dan bukan Islam dapat hidup dalam keadaan yang lebih aman dan sejahtera.

**Kata Kunci:** umat islam, pengganas, wasatiyyah

## ABSTRACT

As a result of a number of tragic events, Muslims have been accused of being terrorists, violent and extremists. This phenomenon is in contrast with Islamic vision that Muslims are the best of ummah and Islamic religion is perfect. This situation has also created many problems and need to be corrected. Muslim scholars including Kamal Hassan began calling for the Islamic moderation (wasatiyyah) in explaining that Muslims are not as being accused. This research is a qualitative research and used descriptive, analysis dan synthesis methods. Wasatiyyah concept is an established Islamic teaching. It originated from al-Qur'an and supported by hadith and interpreters of al-Quran such as Sheikh Abdullah Basmeih, Ibnu Kathir, Muhammad Asad, Sayyed Qutb, Wahbah Az-Zuhaili dan Yusuf al-

Qardhawi. This concept is further strengthened by special characteristics of Islam and other concepts, such as *rabaniyyah*, *insaniyyah*, *syumul*, *rahmatan lil alamin* and *maqasid syariah*. The basis of the wasatiyyah concept is al-Qur'an, hadith Rasulullah SAW, opinions of Islamic scholars and logic. Indeed, it is very clear that Islam is a moderate (wasatiyyah) religion and the Islamic groups that are violent and extreme should be helped so that the Muslim dan non Muslim can live in peace and harmony.

**Keywords:** Muslims, terrorists, wasatiyyah

## **PENDAHULUAN**

Sebab-sebab mengapa tercetus semula pemikiran wasatiyyah adalah banyak. Semenjak lebih kurang empat puluh lima tahun yang lalu, banyak keganasan telah dilakukan atau dikatakan dilakukan oleh umat Islam. Yang paling masyhur ialah peristiwa September 11 pada tahun 2001. Ramai orang-orang Barat dan orang-orang bukan Islam menganggap bahawa Islam dan orang Islam cenderung kepada perbuatan keganasan dan ekstremisme dalam beragama. Islam telah dituduh mengajar umatnya supaya menjadi demikian. Kebaikan aktiviti jihad telah dikaitkan dengan perang suci dan terrorisme yang tidak ada kesudahan sehingga seluruh umat dunia menganut Islam. Kebaikan mati syahid pula dikatakan telah menimbulkan akhlak yang sangat buruk di kalangan umat Islam. Ketika mengulas mengenai dunia Islam pada 14 Mei 2015, bekas Perdana Menteri Malaysia berkata, "Imej Islam di mana sahaja di dunia bagai dicarik-carik dengan pelbagai imej dan visual yang negatif. Dampak dan imej ini tidak membantu kita mempertingkatkan martabat dan kedudukan Islam. Jauh sekali untuk Islam itu dihormati dan dipandang tinggi oleh kalangan penganut agama lain" (Mohd Najib Tun Abdul Razak, 2015, hlm. 1)

Di kalangan umat Islam pula telah timbul fenomena ekstremisme dalam beragama, sikap melampau, fenomena berpecah belah, kafir mengafir dan sebagainya. Fenomena ini telah memberi berbagai masalah dan menyusahkan ramai umat Islam. Sebahagian umat Islam bersifat ekstrem dan radikal. Mereka memandang setiap perkara itu hanya hitam atau putih, visinya terhadap kehidupan itu sangat negatif dan pesimistik, seluruh masyarakat itu jahiliah, kehidupan ini penuh dengan dosa, semua nyayian itu haram, muzik itu haram, berlakun itu haram, mengambil gambar juga haram.

Sebagai reaksi kepada fenomena di atas ilmuwan Islam telah tampil ke hadapan menerangkan bahawa Islam arus utama tidak demikian. Mereka mengetengahkan konsep kesederhanaan (wasatiyyah) dalam Islam. Di antara pemikir Malaysia yang awal-awal lagi telah memperjuangkan konsep ini ialah Kamal Hassan. Di antara buku beliau mengenai perkara ini ialah *Voice of Islamic Moderation from the Malay World, The need to understand Al-Wasatiyyah as part of I.I.U.M's Mission of Islamisation*. Satu lagi penulisan beliau yang utama di dalam bidang ini ialah makalah bertajuk *Wawasan dan Misi al-Wasatiyyah dalam al-Qur'an: suatu Munaqasyah 'Ilmiyyah*. Penulisan beliau ini bukan sahaja menerangkan konsep dan makna wasatiyyah tetapi juga model wasatiyyah. Penulisan ini juga meliputi nilai-nilai penting ke arah mencapai wasatiyyah yang komprehensif yang berpotensi untuk meredakan kecenderungan ke arah sikap militant dan ekstremis.


## METODOLOGI

Penyelidikan ini bercorak qualitative dan menggunakan kaedah deskriptif, analisis dan sintesis. Deskriptif dimaksudkan pemikiran-pemikiran mengenai wasatiyyah agama Islam Kamal Hassan dan penulis-penulis lain dipetik, dipapar dan dikemukakan. Kaedah analisis digunakan untuk benar-benar memahami nilai-nilai wasatiyyah. Sintesis dimaksudkan kesimpulan yang diambil dari penilaian pengkaji di dalam memberi penyelesaian kepada masalah keganasan umat Islam. Selain daripada pemikiran Kamal Hassan mengenai wasatiyyah agama Islam, data juga diperolehi daripada ilmuwan-ilmuwan lain melalui penulisan masing-masing. Ada juga data yang dipetik daripada penulisan dan bahan dalam talian. Tafsir ayat-ayat al-Qur'an dipetik daripada Tafsir Ibn Kathir, Tafsir Pedoman Muttaqin dan Tafsir Al-Rahman. *The message of The Qur'an dan Tafsir Al-Munir*. Data mengenai Hadith pula di petik daripada Ensiklopedia Hadith Sahih Bukhari, Ensiklopedia Hadith Sahih Muslim, Ensiklopedia Hadith Sunan Abu Dawud dan Ensiklopedia Hadith Jami' At-Tirmidzi.

## DAPATAN KAJIAN

### Konsep Wasatiyyah

Mengikut Kamal Hassan, intipati wasatiyyah adalah mencapai keadilan dan kecemerlangan moral, dan mengelakkan ekstremisme dan kezaliman. Ruang lingkup wasatiyyah termasuk nilai-nilai kebaikan seperti adil, kebaikan, toleran, berkerjasama, mematuhi pemerintah yang adil, dialog antara agama, mematuhi perjanjian, menerima pelbagai budaya dan bangsa dan bersikap optimis (Kamal Hassan, 2011, hlm. 161). Rajah struktur wasatiyyah Kamal Hassan adalah seperti berikut:



(Kamal Hassan, *Wacana Intelektual Munaqasyah 'Imiyyah Pedekatan Wasatiyyah*, halaman 17)

Daripada rajah di atas, nilai utama wasatiyyah ialah Keadilan, Kecemerlangan dan Kebaikan dan Seimbang. Nilai-nilai yang menyokong termasuklah kuat, bermaruah, *amr bi'l-ma'ruf, nahy 'an al-munkar*, dialog antara agama, toleran, hidup bersama dengan aman. Asas kepada tiga-tiga nilai utama ini ialah iman, ilmu dan takwa. Asas-asas ini sebahagian besarnya dibangunkan daripada al-Qur'an dan al-Sunnah.

## Data Pengukuhan Konsep Wasatiyyah

Wasatiyyah sebagai satu ajaran Islam dan satu sifat Islam adalah amat kukuh. Data yang mengukuhkan konsep wasatiyyah boleh dibahagikan kepada empat perkara. Pertama, data mengenai makna dan konsep wasatiyyah itu sendiri. Kedua, ciri-ciri istimewa Islam yang menyokong konsep ini. Ketiga, data yang menjadi asas kepada konsep wasatiyyah. Keempat, data mengenai pelaksanaan dan kelestarian konsep wasatiyyah

### 1. Data mengenai makna dan konsep wasatiyyah

Konsep wasatiyyah bukan konsep baru. Ianya wujud semenjak Islam mula bertapak dibumi. Pemikiran yang diketengahkan semula oleh ilmuwan Islam berpunca daripada firman Allah SWT,

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

**Bermaksud,** Demikian juga Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) umat pertengahan (pilihan lagi adil) supaya kamu layak menjadi saksi terhadap umat manusia (pada hari kiamat kelak) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi saksi terhadap kamu (al-Baqarah 143). Kata-kata ummatan wasata di dalam ayat al-Qur'an ini diterjemah sebagai umat pertengahan. Rasulullah SAW juga menerangkan konsep ini dengan bersabda bermaksud, tentang firman Allah Azz awa Jalla, dan kami jadikan kalian ummatan wasatan iaitu adil (HR. Ahmad: 10646) - <https://hadits.in/ahmad/10646>

Sheikh Abdullah Basmeih di dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an mengatakan bahawa ummatan wasata bermakna umat yang pilihan lagi adil. Ia juga bermakna umat yang pertengahan iaitu pertengahan dalam segala pembawaannya, tidak melampau dan tidak keterlaluan dalam menganut kepercayaannya, akhlaknya dan amalannya baik dalam soal dunia dan akhirat. Beliau seterusnya mengatakan bahawa setiap yang berada di tengah mengambil tahu dan memandang berat tentang apa yang berlaku disekelilingnya. Oleh itu ia layak memberi keterangan kepada orang yang tidak seperti dia (Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an, hlm. 51-52).

Ibnu Kathir juga mengatakan bahawa ummatan wasata adalah umat yang adil dan juga pilihan. Wasata adalah juga pilihan yang terbaik. Solat wusta adalah solat terbaik (Tafsir Ibnu Katsir, hlm. 491-492).

Muhammad Asad pula mengatakan ummatan wasata adalah umat paling tengah ia itu umat yang mampu mengimbangkan di antara dua ekstrem dan realistik dalam menghayati kedudukan semula jadi manusia dan kemungkinan-kemungkinan. Ianya mengarah kepada seruan supaya sentiasa sederhana. Ia merumuskan sikap Islam terhadap masalah yang berkemungkinan konflik di antara kebendaan dan kerohanian (Muhammad Asad, 1980, hlm. 30).

Wahbah Az-Zuhaili mengatakan *wasata* bererti pertengahan sesuatu. Kata ini dipakai untuk menyatakan tentang hal-hal yang terpuji kerana sifat terpuji itu berada di tengah-tengah antara berlebihan dan kelalaian. Umat wasat itu adalah umat terbaik dan adil. Mereka bersifat wasat di dalam segala hal, tidak melampau batas dan tidak lalai di dalam urusan agama dan dunia (Wahbah Az-Zuhaili, Tafsir *al-Munir*, 2013, hlm. 271-274).

Yusuf al-Qardhawi mengatakan bahawa wasatiyyah sama maksudnya dengan sifat *al-tawazun* atau seimbang dan *'itiddal* atau pertengahan. Wasatiyyah bermaksud memberi kepada pihak yang bertentangan, hak yang sebenar-benarnya iaitu keadaan yang adil. Wasatiyyah juga bermaksud adil dan saksama. Beliau mengatakan bahawa adil adalah satu syarat yang perlu untuk menjadi saksi. Oleh itu umat Islam mestilah umat yang adil kerana ianya akan menjadi saksi atas perbuatan manusia seperti yang ternyata di dalam surah al-Baqarah yang tersebut di atas. Wasatiyyah juga bermaksud istiqamah, aman dan tanda kemuliaan dan kekuatan (Yusuf al-Qardhawi, 2011, hlm. 2-16).

### Data mengenai Konsep dan Ciri-Ciri Istimewa Islam

#### (i) Konsep Rabbaniyyah (ketuhanan)

Ciri rabbaniyyah ini terbahagi kepada dua iaitu pertama dalam matlamat dan hala tuju dan kedua dalam sumber dan sistem. Islam meletakkan matlamat hidup umat Islam sebagai hubungan baik dengan Allah SWT dan memperolehi keredhaanNya (Yusuf al-Qardhawi, 2012, hlm. 270). Ini adalah kejayaan (*al-falah*) yang diharapkan oleh setiap muslim. Jalan kearah matlamat ini bersifat wasatiyyah dan bersumberkan ketuhanan. Iman, ibadah dan akhlak berasal dari firman Allah SWT iaitu al-Qur'an dan hadith Rasulullah SAW. Ia bukan ciptaan manusia. Iman, ibadah dan akhlak yang benar akan meletakkan seseorang di jalan yang betul. Melalui jalan ini dan dengan taufiq dan rahmah Allah, manusia akan menuju kepada *al-falah* di dunia dan di akhirat seperti yang dilakarkan oleh Kamal Hassan di atas.

#### (ii) Konsep Insaniyyah (kemanusiaan)

Islam adalah agama manusia (Yusuf al-Qardhawi, 2012, hlm. 288). Allah SWT telah menjelmakan Islam melalui Rasulullah SAW iaitu seorang manusia. Kehidupan beliau juga adalah seperti kehidupan seorang manusia. Unsur kemanusiaan yang penting dalam Islam termasuklah unsur persaudaraan, persamaan dan kebebasan. Allah SWT berfirman,

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

**Bermaksud,** *Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah mencipta kamu daripada lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia mulia kamu disisi Allah adalah orang yang paling takwa antara kamu (bukan dari keturunan dan bangsa). Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha mendalam PengetahuanNya.*

Nilai persaudaraan kemanusiaan dan sesama Islam ini memperkukuhkan nilai-nilai wasatiyyah.

(iii) Konsep *Syumul* (menyeluruh)

Islam itu bersifat *syumul* iaitu menyeluruh. Islam itu suatu sistem yang mencakupi semua urusan hidup manusia dan dalam serba bidang di dunia dan juga hal-hal berhubung dengan akhirat (Dasuki Ahmad, 2012, hlm. 812). Risalah Islam tidak dibatasi oleh mana-mana zaman dan generasi, mana-mana tempat dan mana-mana bangsa atau status manusia (Yusuf al-Qardhawi, 2012, hlm. 270). Ajaran Islam tidak boleh diterima sebahagian sahaja tetapi keseluruhannya. Dengan menerima dan melaksanakan Islam secara *syumul* akan menghilangkan percanggahan dalam kehidupan, membasmi gelagat keganasan dan membawa kepada kesejahteraan dalam kehidupan.

(iv) Konsep *Rahmatan Lil Alamin*

Allah SWT berfirman, وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Bermaksud, *tidaklah kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad) melainkan untuk menjadikan rahmat bagi sekalian alam* (al-ambia' :107).

Konsep rahmatan lil alamin ini menggambarkan sifat kasih sayang dan belas kasihan Allah yang diturunkan melalui rasulnya Muhammad SAW. Sifat ini universal, bersesuaian dengan lil alamin. Kasih sayang yang dibawa oleh Islam ini mestilah dinikmati oleh setiap makhluk (Ahmad Sanusi Azmi & Mohd Yusuf Ismail, 2018).

(v) Konsep Maqasid Syariah

Maqasid Syariah ialah tujuan-tujuan hukum syarak. Islam ditegakkan berasaskan lima tujuan, iaitu melindungi agama, akal, nyawa, keturunan dan harta. Sesungguhnya nyawa manusia itu amat penting, tanpa nyawa tamatlah kehidupan di dunia. Perbuatan keganasan/terrorisme dan melampau adalah bercanggah dengan tujuan di atas.

## 2. Data yang menjadi asas kepada pemikiran wasatiyyah

(i) Data daripada al-Qur'an

Di dalam al-Qur'an terdapat banyak pesanan yang memberi penerangan dan implikasi bahawa Islam dan umatnya adalah sederhana dengan maksud adil, baik, cemerlang, jalan tengah, jalan yang lurus, kuat dan sebagainya. Sebagai contoh, Allah menyuruh berlaku adil kerana adil itu lebih hampir kepada takwa.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوْمِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا ءَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

**Bermaksud,** *Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegak kebenaran kerana Allah SWT lagi menjadi saksi dengan adil dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada siapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa, dan bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu kerjakan.*

Satu lagi contoh firman Allah SWT,

وَأَتَّبِعْ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

**Bermaksud**, tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari dunia, dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu dan jangan engkau melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melakukan kerosakan (al-Qasas: 77).

Kehidupan umat Islam haruslah seimbang. Allah mengingatkan supaya manusia tidak melupakan bahagiannya di dunia untuk memperolehi kesenangan dan kebahagiaan di dalam kehidupan di dunia. Bagi Sayyid Qutb, ayat di atas menggambarkan kesederhanaan sistem hidup ilahi yang lurus. Sistem ini membuat hati manusia teringat kepada kehidupan akhirat dan bersyukur di atas segala nikmat Allah, tanpa menafikan manusia menikmati kesejahteraan, nikmat, keselamatan dan kemewahan hidup di dunia (Sayyid Qutb, 2000, hlm. 334-335, jilid 12). Ayat ini juga dengan keras melarang manusia melakukan kerosakan di bumi. Melakukan kerosakan termasuklah melakukan perbuatan zalim, membuat orang ramai tidak senang, menakut-nakutkan mereka dan mengganas di khalayak ramai.

(ii) Data daripada Hadith Rasulullah SAW

Ajaran-ajaran dan contoh teladan Rasulullah SAW menunjukkan bahawa Islam itu bersifat sangat sederhana. Rasulullah SAW mengajar persaudaraan sesama manusia secara umum dan mengasihi satu sama lain, persaudaraan sesama Islam dan mencintai sesama mereka serta melarang mengkhianati satu sama lain, menyayangi semua makhluk yang bernyawa, bersifat lemah lembut dalam segala keadaan, berlaku adil kepada manusia dan berakhlak mulia. Satu contoh hadith Rasulullah SAW, beliau bersabda,

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ الرَّجْمُ شَجَنَةٌ مِنَ الرَّحْمَنِ فَمَنْ  
وَصَلَّاهَا وَصَلَّاهُ اللَّهُ وَمَنْ قَطَعَهَا قَطَعَهُ اللَّهُ  
قَالَ أَبُو عَيْسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

**yang bermaksud**, orang-orang yang mengasihi akan dikasihi oleh Al-Rahman. Berkasih sayanglah dengan sesiapa pun yang ada di bumi nescaya yang ada di langit akan mengasihi kalian. Ar-Rahīm bahagian dari ar-Rahmān. Sesiapa yang menyambung tali silaturahmi nescaya Allah akan menyambungNya (dengan rahmatNya) dan sesiapa yang memutuskan tali silaturahmi nescaya Allah akan memutuskanNya (dari rahmatNya).

Abu Isa mengatakan hadith ini hasan shahih. (Sunan Tirmidzi, <https://hadits.in/tirmidzi/1847>). Ajaran mengasihi sesama manusia adalah ajaran wasatiyyah. Ia adalah bercanggah dengan semua bentuk amalan keganasan.

Sesungguhnya, Rasulullah SAW itu membawa kebenaran dari Allah SWT (an-Nisā: 170) yang sepatutnya ditaati oleh setiap orang yang beriman (an-Nur: 47), dan harus dijadikan teladan bagi orang yang mengharap keredhaan Allah SWT (al-Ahzāb: 21). Al-Qur'an juga berpesan supaya apa sahaja yang diberi oleh Rasulullah SAW hendaklah diterima, dan apa jua yang dilarang hendaklah ditinggalkan (Harys :7).

(iii) Data berasaskan pendapat ilmuwan-ilmuwan Islam

Terdapat beberapa orang ilmuwan yang bersependapat dengan Kamal Hassan mengenai kesederhanaan agama Islam. Ilmuwan ini termasuklah Yusuf al-Qardhawi, Asy-Shahid Sayyid Qutb dan Muhammad al-Ghazali. Malah Kamal Hassan ada merujuk kepada pendapat Yusuf al-Qardhawi dan Sayyid Qutb di dalam penulisannya.

(iv) Data berasaskan logik

Umumnya, manusia yang waras ingin hidup dalam suasana aman damai jasmani dan mental, serta penuh dengan rasa kasih sayang, khususnya antara keluarga terdekat serta jiran tetangga dan amnya antara ahli masyarakat setempat dan Negara seluruhnya. Mereka juga ingin dilayan oleh sesama manusia dan pemerintah dengan adil dan saksama serta bebas melakukan segala aktiviti seperti aktiviti agama, ekonomi dan sosial asalkan ianya tidak menyalahi peraturan, undang-undang dan adat resam masyarakat dan Negara. Ini adalah fitrah manusia, ianya juga selari dengan nilai-nilai universal yang mungkin diambil daripada nilai-nilai agama atau pun nilai-nilai falsafah.

Umumnya manusia inginkan kejayaan dalam hidup mereka serta terus mengejar kebahagiaan. Apa yang dianggap berjaya tergantung kepada sasaran yang telah mereka letakkan bagi diri mereka sendiri. Kebahagiaan yang dikejar adalah perasaan kepuasan manusia itu sendiri hasil daripada perbagai aspek kehidupannya. Perasaan ini mungkin kekal dan mungkin tidak dan mungkin juga boleh berubah mengikut waktu dan keadaan. Objektif hidup manusia sekular umumnya bersifat keduniaan, tetapi objektif hidup orang beragama seperti orang Islam mengambil kira keperluan kehidupan di dunia dan di akhirat.

Manusia secara fitrah tidak suka dirinya dizalimi, diganasi, diancam dan dibunuh. Terdapat lebih satu billion umat Islam di seluruh dunia. Kalaulah benar agama Islam itu mengajar umatnya menjadi ganas dan melampau mengapa sebegitu ramai manusia di bumi yang ingin menjadi demikian? Kalaulah benar Islam itu terroris dan ganas sudah huru-haralah bumi ini.

Islam telah bertapak di bumi semenjak kewujudan manusia pertama lagi iaitu Nabi Adam a.s. Syariat Nabi Muhammad SAW pula telah turun semenjak lebih 1400 tahun yang lalu. Tuduhan Islam itu ganas hanya dilaungkan semenjak lebih kurang empat atau lima puluh tahun yang lampau. Mengapa begitu? Kalaulah agama Islam itu agama terroris, ianya harus dikatakan demikian semenjak ribuan tahun dahulu lagi.

Islam adalah agama setiap tempat dan masa. Ianya terus berkembang di seluruh dunia. Islam tetap relevan dan sesuai dengan fitrah manusia. Mana mungkin sesuatu yang tetap relevan itu melampau atau ganas? Oleh yang demikian adalah tidak adil apabila Islam dituduh sebagai agama melampau, ganas dan terroris. Tambahan pula konsep dan nilai-nilai wasatiyyah umumnya adalah juga selari dengan nilai-nilai murni universal.



### **3. Data berasaskan pelaksanaan - Pengalaman Malaysia**

Malaysia adalah sebuah negara sederhana. Model Malaysia walau pun belum murni sepenuhnya adalah satu model yang praktikal, yang boleh menjadi contoh sebagai satu Negara Islam yang sejahtera, maju dan mampu bersaing di dalam berbagai bidang di peringkat antarabangsa. Nilai-nilai wasatiyyah termaktub di dalam undang-undang tertinggi Negara iaitu perlembagaan Persekutuan, dan pelaksanaan undang-undang. Agama Islam adalah agama Persekutuan. Agama-agama lain bebas diamalkan di negara ini dengan aman. Toleransi beragama jelas tercermin di dalam budaya 'Rumah Terbuka' yang diadakan bagi menyambut perayaan seperti Edul Fitri bagi orang Islam, Krismas bagi orang Kristian, Deepavali bagi orang Hindu dan Tahun Baru Cina bagi orang Cina dengan menjemput sahabat handai daripada berbagai agama untuk turut serta.

Di dalam Pendidikan pula, falsafah Pendidikan kebangsaan mengatakan bahawa Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha ke arah mengembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan Negara ([www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my) 2019). Falsafah Pendidikan ini jelas bersifat wasatiyyah dan menjadi dasar kepada Pendidikan negara.

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan-Kerajaan Negeri pernah menyebarkan konsep wasatiyyah dan Islam sebagai agama sederhana. Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Institut Wasatiyyah Malaysia pada 8 Mac 2013 bagi mengetengahkan pendekatan wasatiyyah di dalam mengemudi ummah dan negara ([iwm.jpm.gov.my](http://iwm.jpm.gov.my)). Kerajaan Negeri Selangor pernah memasukkan di dalam khutbah jumaat peringatan supaya umat Islam sentiasa bersikap sederhana. Kerajaan negeri Trengganu telah menyebarkan risalah kepada pelancong dengan menerangkan Islam bukan agama ekstremisme dan terrorisme tetapi sebaliknya.

Kelastarian pelaksanaan nilai wasatiyyah jelas terbayang apabila rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama, umumnya hidup di dalam keadaan yang adil, aman dan sejahtera.

### **KESIMPULAN**

Berasaskan data dan analisis di atas, Islam itu jelas bersifat wasatiyyah. Islam dan umatnya bukan bersifat ganas, terroris atau melampau. Jika terdapat kumpulan umat Islam yang bersifat demikian sesungguhnya mereka haruslah dibantu bagi membetulkan keadaan. Mereka sebenarnya berniat baik untuk memperjuangkan Islam. Ulama-ulama besar yang dihormati dan disegani harus juga terlibat kerana pengaruh mereka akan menyenangkan usaha membaiki keadaan. Visi Islam ialah menjadikan bumi ini satu taman yang indah tempat manusia menikmati segala kurniaan Allah SWT, serta bersama-sama melakukan kebaikan sebagai bekalan untuk akhirat nanti.

## RUJUKAN

*Al-Qur'an al-Karim*

*Al-Qur'an Terjemahan Mashaf al-Masar* (2012), Masar Enterprise, Kajang, Selangor  
Abdullah Muhammad Zain (2015), *Penghayatan Wasatiyyah Dalam Pentadbiran Malaysia*, Institut Wasatiyyah Malaysia, Putrajaya

Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA) (1984), *Tafsir Al-Azhar*, Yayasan Latimojong, Surabaya

Abu Isa Muhammad Isa at-Tirmidzi (2013), *Ensiklopedia Hadits, Sunan Tirmidzi*  
<https://hadits.in/tirmidzi/>

Ahmad Ibn Hanbal, *Ensiklopedia Hadits, Musnab Ahmad*, <https://hadits.in/ahmad/>

Ahmad Sanusi Azmi & Mohd Yusuf Ismail (2018) *Konsep Rahmatan Lil Alamin Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi di Malaysia*, Journal of Hadith Studies Vol. 5 No 1 November 2018

Dusuki Ahmad, (2012), *Kamus Pengetahuan Islam*, Utusan Publication & Distribution Sdn. Bhd., Kuala Lumpur

Ghazali Basri, *Religious Tolerance, Malaysian Experience*, di dalam, *Islam Dan Isu-Isu Ketamadunan*, Kolej Dar al-Hikmah, Kajang Selangor.

Harris, Sam (2006), *The End of Faith, Religion, Terror, and Futute of Reason*, Simon & Schuster UK Ltd, London

Ibnu Kathir (Ismail bin Kathir), *Tafsir Ibnu Kathir*, Penterjemah M. Abdul Ghoffar E. M., Pustaka Imam Asyrafii.

*Kamus Dewan*, Edisi Ketiga (2002), Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Mohd Kamal Hassan (2011), *The Voice of Islamic Moderation from the Malay World*, Emerging Markets Innovative Reseach Malaysia, Ipoh, Perak.

\_\_\_\_\_ (2013) *The Need to understand Al-Wasatiyyah as part of I.I.U.M's Mission of Islamisation* CENTRIS IIUM.

\_\_\_\_\_ (2015), *Wacana Intelektual Munaqasyah 'Ilmiyyah Pedekatan Wasatiyyah*, Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur

Mohd Najib Tun Abdul Razak (2011), *Pendekatan Wasatiyyah dan Perlaksanaanya di Malaysia*, Insitut Wasatiyyah Malaysia, Putrajaya

\_\_\_\_\_ (2015), *Memertabatkan Wasatiyyah*, Insitut Wasatiyyah Malaysia, Putrajaya

Muhammad Asad, 1980, *The message of The Qur'an*, Dar Al-Andalus, Gibraltar

Sayyed Qutb (2000), *Tafsir Fi Zilal al-Qur'an*, Di bawah Bayangan al-Qur'an, Penterjemah: Yusoff Zaky Jacob, Pustaka Press, Kuala Lumpur

Sheikh Abdullah Basmeih (1980), *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Kuala Lumpur.

Wahbah Az-Zuhaili (2013), *Tafsir Al-Munir, Aqidah-Syariah-Manhaj*, Penterjemah: Abdul Hayyie al-Kattani, Gema Insani, Jakarta.

Yusuf al-Qarddawi (2012), *Fleksibiliti Islam, Prinsip, Aqidah, Keutamaan, Sumber*, Penterjemah: Mohammad Zaini Yahya, Syabab Book Link, Bandar Baru Bangi, Selangor

\_\_\_\_\_ (2011) *Islam dan Keganasan* Penterjemah: Rosli Mokhtar, Casa Publication, Malaysia.

\_\_\_\_\_ (2011), *Kesderhanaan Dalam Islam*, Penterjemah: Rosli Mokhtar, Casa Publication, Ceras, Selangor, Malaysia.

\_\_\_\_\_ (2015), *Fatwa Kontemperari Siri 4, Perubatan dan Politik*, Penterjemah, Mohd Hafiz Daud, Publishing House Sdn. Bhd. Batu Cave Selangor

\_\_\_\_\_ (2017), *Islam Jalan Tengah*, Penerjemah, Alwi A.M., PT  
Mizan Pustaka, Bandung  
<https://www.moe.gov.my> , 2019  
[iwm.jpm.gov.my](http://iwm.jpm.gov.my)